

**TEKS UCAPAN
YANG AMAT BERHORMAT
TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN HAJI MOHD YASSIN
TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA**

**SEMPENA
MAJLIS ANUGERAH INOVASI NEGARA 2015**

**23 MEI 2015 (SABTU)
8.00 MALAM**

**PUSAT KONVENSYEN KUALA LUMPUR
(KLCC)**

(Dress Code: Lounge Suit)

YB Datuk Dr. Ewon Ebin
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

YB Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah
Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

Ahli-ahli Yang Berhormat

YBhg Tan Sri Prof. Dr. Zakri Abdul Hamid
Penasihat Sains Kepada Perdana Menteri

YBhg. Tan Sri Dr. Madinah Mohamad
Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan

YBhg. Dato' Sri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur
Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua-Ketua Jabatan,

Dif-Dif Kehormat, Dato'-Dato', Datin-Datin

Para Guru dan Ibu-Bapa, Para Belia dan Beliawanis

Tuan- tuan dan Puan-puan hadirin sekalian,
Assalamu'alaikum warahmatullahiwabarakatuh,

[Salutasi akan dimuktamadkan berdasarkan pengesahan
kehadiran ke Majlis ini]

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izin dan kurniaNya jua, kita dapat berhimpun pada malam ini dan meneruskan tradisi Majlis Anugerah Inovasi Negara yang mula dianjurkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sejak tahun 2007.

2. Sesungguhnya majlis seperti ini amat istimewa kerana ia menyedarkan kita bahawa dalam membina sesuatu peradaban, asas yang paling utama adalah ilmu yang diamalkan. Imam Al Ghazali pernah berpesan “... *bantinglah otak untuk mencari ilmu sebanyak-banyaknya, guna mencari rahsia besar yang terkandung di dalam benda besar yang bernama dunia, tetapi pasanglah pelita dalam hati sanubari, iaitu pelita kehidupan jiwa.*” Sesungguhnya, betapa pentingnya manusia berusaha bersungguh-sungguh mencari ilmu pengetahuan yang bermanfaat dan dapat diaplikasikan untuk kesejahteraan hidup manusia sejagat.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Dekad Inovasi (2010-2020): Ke arah 'innovation nation'

3. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada MOSTI atas usaha berterusan memacu **agenda sains, teknologi dan inovasi atau STI** negara. Kita perhatikan momentum agenda STI negara semakin rancak, dengan penganjuran pelbagai program bagi mengisi **Dekad Inovasi (2010-2020)**. Ini termasuklah program-program khusus berkaitan **pembangunan STI, seperti penyelidikan dan**

pembangunan (R&D), perkhidmatan STI dan juga penerapan budaya STI. Di samping itu, Kerajaan telah melancarkan **Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia** dan **Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi** yang turut memberi penekanan kepada pembangunan modal insan sains, teknologi, kejuruaan dan matematik (STEM).

4. Negara turut membuat anjakan positif dari segi **indeks daya saing global**. Malaysia kini berada pada kedudukan ke-12 dalam *World Competitiveness Yearbook 2014* berbanding kedudukan ke-15 sebelum ini); kedudukan ke-20 dalam *Global Competitiveness Report 2014-2015* (ke-24 sebelum); dan kedudukan ke-18 dalam *Ease of Doing Business 2015* (sebelum ini ke-20). Negara berada di kedudukan ke-33 dalam *Global Innovation Index 2014* dan pada kedudukan ke-30 dalam *Global Information Technology Report 2014* terkini.

Menganjak penguasaan STI ke tahap lebih tinggi di bawah RMKe-11

Hadirin yang dihormati,

5. Aspirasi **Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara** atau DSTIN adalah Malaysia sebagai sebuah **negara yang maju sains (*scientifically advanced nation*)** menjelang tahun 2010. Maka sewajarnya, STI terus diberi penekanan dalam **Rancangan Malaysia Ke-11** yang dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri, Khamis lalu.

6. Di bawah RMKe-11, Kerajaan mensasarkan membuat **anjakan ke tahap penguasaan STI yang lebih tinggi dengan *outcome* yang lebih berkesan** melalui program-program yang akan memberi fokus kepada R&D bersifat ***game changer***. Strategi RMKe-11,

Pembangunan Nasional Malaysia berasaskan ekonomi berteraskan rakyat (**people economy**) yang menekankan peningkatan kesejahteraan rakyat dan ekonomi berasaskan modal (**capital economy**) yang menumpukan kepada pencapaian pendapatan yang tinggi.

Tema NICE 2015 – 'Beyond Innovation'

7. Mengambil kira tahap pencapaian dan juga isu serta cabaran yang dihadapi oleh negara, saya menyokong pemilihan tema bagi Persidangan dan Pameran Inovasi Kebangsaan (NICE) 2015 pada tahun ini iaitu **Beyond Innovation** adalah bertepatan.

8. Berdasarkan *Global Innovation Index*, Malaysia juga telah berjaya membuat anjakan dari segi tahap pembangunan *efficiency-driven* kepada *transition towards innovation-driven*. Untuk Malaysia terus membuat anjakan ke peringkat lebih tinggi dan lebih berdaya saing, negara perlu fokus kepada kedua-duanya, iaitu **non-technological dan juga technological innovations**. Kita tidak kekurangan idea, reka cipta dan inovasi tetapi masih banyak idea, ciptaan dan hasil inovasi kita yang tidak berjaya melepasi jurang kritikal, **innovation valley of death**.

Melangkau 'innovation valley of death' melalui peluasan skop dana

9. Saya mengucapkan syabas kepada MOSTI kerana sensitif kepada kekangan yang dihadapi oleh penyelidik dan pereka cipta. Keputusan **memperluas skop dana-pra pengkomersilan di bawah MOSTI bagi membiayai aktiviti facilitation** akan membantu lebih banyak produk R&D ke pasaran, melalui "**bridging innovation valley of death that prevents research outputs moving to market.**" Saya

harap MOSTI bukan sahaja mencapai, malahan melangkaui, sasaran pengkomersilan 360 produk R&D berimpak tinggi menjelang 2020.

Universiti dan pusat penyelidikan sebagai 'innovation hotspots'

Hadirin yang dihormati,

10. Semasa Majlis Anugerah Inovasi Negara tahun lalu, saya menekankan bahawa Universiti dan pusat penyelidikan adalah **hot spots** bagi sesebuah ekonomi yang dipacu inovasi. Bagi mengukuhkan kerjasama *tripartite* antara universiti, pusat penyelidikan dan industri, Kerajaan telah melancarkan **Public-Private Research Network** atau **PPRN** pada awal tahun ini. Melalui PPRN, Kerajaan membiayai sebahagian kos penyelidikan terbabit secara *matching grant* sehingga RM50,000 dan saya yakin PPRN dapat merancakkan lagi pembangunan inovasi dan pengkomersilan produk R&D.

Mengiktiraf kerjaya teknologis dan memperkasa TEVT menerusi Malaysia Board of Technologists (MBOT)

11. Selaras dengan hasrat Malaysia untuk menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi, Kerajaan telah mensasar **3.3 juta pekerjaan** menjelang tahun 2020, di mana **50 peratus** daripadanya adalah **tenaga kerja berkemahiran tinggi**. Dalam hubungan ini, **Rang Undang-Undang Teknologis dan Juruteknik 2014** telah diluluskan di persidangan Parlimen yang lepas. Akta ini akan memberi laluan kepada penubuhan **Lembaga Teknologis Malaysia** atau **MBOT** yang memberi **pengiktirafan kepada kerjaya teknologis dan memperkasa pendidikan teknik dan latihan vokasional (TEVT)**. Seramai **400,000** **graduan teknologi kejuruteraan** yang bakal dihasilkan menjelang

tahun 2020 oleh Malaysia Technical University Network (MTUN), dan **lulusan politeknik serta lulusan kemahiran** daripada 911 pusat latihan kemahiran yang bertauliah akan mendapat manfaat daripada inisiatif ini.

Meningkatkan produktiviti dan inovasi PKS

Hadirin yang dihormati,

12. Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang pada tahun 2013, menyumbang **33 peratus kepada KDNK negara, 57 peratus guna tenaga dan 19 peratus eksport** merupakan sumber pertumbuhan ekonomi yang penting dan akan terus memainkan peranan utama dalam pembangunan ekonomi Malaysia.

13. **Menjelang 2020, sumbangan PKS dianggar meningkat kepada 41 peratus KDNK, 62 peratus guna tenaga dan 25 peratus eksport.** Memandangkan **90 peratus PKS adalah dalam sektor berkaitan perkhidmatan**, peningkatan inovasi dan produktiviti secara berterusan akan memastikan PKS terus berdaya saing dalam persekitaran sektor perkhidmatan yang semakin liberal dan kompetitif. Di bawah Pelan Induk PKS, **SIRIM bekerjasama dengan Fraunhofer Institute, Germany** bagi membantu PKS dalam bidang *advanced technology, up-scaling* dan pengkomersilan

Internet of Things (IoT), Cybersecurity dan Big Data

Hadirin yang dihormati,

14. Internet of Things (IoT) tercetus hasil daripada **pemusatan pelbagai teknologi (*convergence of multiple technologies*)** daripada komunikasi tanpa wayar (*wireless communication*) kepada Internet.

Menjelang 2020, sebanyak 26 bilion peranti dianggar disambungkan ke IoT.

15. Teknologi IoT akan membantu memacu inovasi pada kadar yang lebih pantas dan dijangka menjana **peluang ekonomi bernilai RM890 bilion di peringkat global menjelang tahun 2020**. IoT dianggarkan berkembang pada kadar **34.1 peratus** setahun di rantau Asia Pasifik kepada **RM203 bilion** menjelang tahun 2020.

16. Negara-negara maju telah menggerakkan usaha meningkatkan keupayaan masing-masing dalam **meneroka dan mengeksplorasi teknologi IoT, mengurus *big data* dan menjamin keselamatan ruang siber (*cyber security*)**. Bagi memastikan Malaysia tidak ketinggalan, Jemaah Menteri pada minggu lepas telah bersetuju MOSTI, melalui agensinya MIMOS, menerajui pelaksanaan **Pelan Hala Tuju Strategik IoT Kebangsaan** yang bakal dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri dalam jangka masa terdekat.

Inovasi sosial bagi memenuhi 'unmet social needs'

Hadirin yang dihormati,

17. Semasa Majlis Anugerah Inovasi Perdana Menteri September lalu, YAB Perdana Menteri menyeru supaya kita tidak menghadkan inovasi hanya kepada inovasi dari segi R&D atau produk, malahan **inovasi sosial** turut diaplikasi dalam proses transformasi negara.

18. Sehubungan ini, saya mengalu-alukan langkah MOSTI memperluas skop dana bagi membiayai **MOSTI Social Innovation** atau **MSI**, iaitu pembangunan atau pelaksanaan idea sama ada yang

berbentuk produk, perkhidmatan atau model bagi memenuhi keperluan sosial (*meeting unmet social needs*). Sehubungan ini juga, saya ingin mencadangkan kepada MOSTI agar **Anugerah Inovasi Negara diperluaskan, mulai tahun hadapan, kepada kategori inovasi sosial.**

19. Saya berharap, melalui MSI, ***new responses to social needs, that are not traditionally addressed by the market or existing institutions and arrangements are developed in order to deliver better social outcome.***

Meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan STI negara dalam pengurusan bencana

Hadirin yang dihormati,

20. Pada tahun lalu, Malaysia telah diduga dengan tragedi yang belum pernah tercatat dalam sejarah negara. Dalam kesedihan kita dengan **tragedi pesawat MH370 dan MH17**, negara terus ditimpa ujian apabila negeri di Pantai Timur dan utara mengalami **banjir yang dahsyat** dengan skala kemusnahan yang besar.

21. Insiden-insiden ini menyedarkan kita bahawa **kemajuan sains dan keunggulan teknologi (*technological superiority*) yang seluruh dunia miliki, masih belum dapat merungkai sepenuhnya tragedi tersebut.** Namun begitu, Kerajaan berbangga kerana kepakaran perkhidmatan STI Malaysia diiktiraf melalui penglibatan **Agensi Remote Sensing (ARSM), Jabatan Meteorologi (Met Malaysia) dan Astronautics Technology Sdn Bhd (ATSB)** dalam pencarian pesawat MH370, manakala **Jabatan Kimia** dalam analisis DNA mangsa pesawat MH17.

22. Melangkah ke hadapan, Kerajaan telah mengarahkan Kementerian dan Jabatan berkaitan **mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan pengurusan bencana** masing-masing yang mana **Met Malaysia dan ARSM**, telah diluluskan peruntukan berjumlah masing-masing **RM67 juta dan RM4.2 juta**.

Melangkai inovasi menerusi komunikasi pintar

Hadirin yang dihormati,

22. Walaupun sains merupakan perkara asas dalam kehidupan kita, ramai berpendapat **tahap interaksi antara sains dan masyarakat perlu dipertingkatkan**. Persoalan yang berlegar di fikiran ialah “... *there isn't enough science in the media, in policy-making, in schools, or in the economy*. Pada Disember lepas, semasa penganugerahan *ASM fellows*, YAB Perdana Menteri menyeru supaya komuniti STI meningkatkan interaksi dengan *stakeholders* kerana “*A lot of great achievements are not known beyond the scientific community and relevant authorities.*” Bagi menjelaskan idea secara jelas dan meyakinkan mereka yang tiada latar belakang teknikal. *We must speak to a larger audience beyond just a scientific community and in a language that can be understood by all and excite them with our approach and novel solutions.*

23. Mengambil kira peranan media yang penting dalam memperkasa agenda STI Negara, saya juga ingin mencadangkan agar MOSTI, mulai tahun hadapan, **mewujudkan kategori khas di bawah Anugerah Inovasi Negara bagi menghargai wartawan atau media** yang turut menyumbang dalam agenda STI Negara.

Penglibatan Malaysia dalam agenda STI di persada antarabangsa

24. Pemerkasaan agenda STI negara tidak seharusnya terhad kepada dalam negara, malahan harus **memanfaatkan jaringan kerjasama peringkat antarabangsa**. Selain kerjasama dua hala, Malaysia perlu memperhebat penglibatan di peringkat serantau dan pelbagai hala melalui platform seperti **ASEAN, Coral Triangle Initiative (CTI), Global Science International Advisory Council (GSIAC), UNESCO** dan lain-lain lagi. Malahan, aktiviti R&D negara kini telah melangkaui ke angkasa lepas dan juga Antartika. Malaysia kini menduduki **Majlis Eksekutif Intergovernmental Oceanographic Commission (IOC)** dan sedang berusaha mendapat sokongan untuk mengisi kerusi ahli **Lembaga Eksekutif UNESCO sesi 2015-2019**. Sebagai ahli Majlis-majlis Eksekutif seperti ini, Malaysia boleh terlibat secara aktif dalam melakar hala tuju dan agenda STI global.

Hadirin yang dihormati,

25. Mengakhiri ucapan, saya sekali lagi ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua penerima Anugerah Inovasi Negara pada malam ini. Komitmen dan kejayaan anda diharap menjadi *role model* kepada masyarakat Malaysia dalam melakari dan menyelusuri inovasi. Juga setinggi penghargaan kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) kerana berjaya menganjur acara yang berprestij ini.

26. Akhir kata, Salam Hormat, Salam 1Malaysia dan selamat maju jaya. Wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.